

06/09/1997

PM dianggap Bapa Muamalah

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam diberi gelaran `Bapa Muamalah Dunia' kerana berjaya memperkenalkan sistem kewangan Islam, khususnya perbankan, insurans dan pajak gadai Islam.

Wakil Badan Perhubungan Umno Negeri Terengganu, Abdul Rahin Datuk Mohd Said, berkata Perdana Menteri adalah tokoh yang bertanggungjawab mengembangkan sistem kewangan Islam di negara ini, malah kini ditiru beberapa negara Islam lain.

Wakil itu juga menyifatkan Dr Mahathir sebagai tokoh teknokrat yang berilmu dan bertakwa kerana dasar kerajaan pimpinannya digerakkan berlandaskan tuntutan Islam.

"Perdana Menteri mahu pembentukan masyarakat Melayu termasuk kalangan teknokrat, politik, ekonomis, reformis sosial, saintis, industrialis dan intelektual yang bukan saja berilmu bahkan beriman," katanya.

Pada masa yang sama, beliau meminta kerajaan mewujudkan program khas secara bersepadu untuk mendedahkan masyarakat luar bandar dengan budaya teknologi maklumat.

"Kita tidak mahu wujud satu jurang yang memisahkan antara masyarakat bandar yang mahir dengan komputer dan masyarakat luar bandar yang buta komputer. Perkara ini perlu diperbetulkan," katanya.

Wakil Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Darus Nordin, pula bimbang dengan keupayaan generasi muda dan selepas mereka untuk memikul tanggungjawab sekali gus menghadapi cabaran alaf baru yang kerap di luar dugaan.

Pada masa yang sama, ahli Umno dan orang Melayu khususnya disaran mengelakkan budaya berpuak-puak, pulau memulau dan antipemimpin.

"Peganglah dengan teguh prinsip Islam dalam perjuangan dan kehidupan kita. Insya-Allah masalah yang dihadapi dapat ditangani," katanya.

(END)